

**Kaedah Pemikiran Kritis al-Dihlawi terhadap Perbahasan
al-Sa’adah (Kebahagiaan) dalam Karya
*Hujjah Allah al-Balighah***

***Al-Dihlawi’s Critical Thinking Method on al-Sa’adah (Happiness)
Debate in the Manuscript of Hujjah Allah al-Balighah***

*NORAINI JUNOH¹

ZANIRAH MUSTAFA@BUSU¹

ABDUL MANAM MOHAMAD²

¹Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kelantan, Kelantan, Malaysia

²Jabatan Pengajian Ilmu Wahyu dan Pemikiran Islam, Fakulti Pengajian Umum dan Pendidikan Lanjutan, Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu, Malaysia

*Corresponding author: norainijunoh@uitm.edu.my

Published online: 31 October 2023

To cite this article: Noraini Junoh, Zanirah Mustafa@Busu dan Abdul Manam Mohamad. 2023. Kaedah pemikiran kritis al-Dihlawi terhadap perbahasan *al-sa’adah* (kebahagiaan) dalam karya *Hujjah Allah al-Balighah*. *KEMANUSIAAN the Asian Journal of Humanities* 30(2): 207–237. <https://doi.org/10.21315/kajh2023.30.2.10>

To link to this article: <https://doi.org/10.21315/kajh2023.30.2.10>

Abstract. *During this era, the world is evolving at such a rapid pace that there is uncertainty and confusion. The idea of modernity embodied by the West has spawned thoughts that contradict Islamic sharia thus rejecting the authority of the Quran and Sunnah as the main source of reference for Muslims. In today’s technological rapidity, Islam is seen as a backward religion and its teachings need to be adapted to the modern lifestyle thus damaging the faith of the Muslims themselves. This study aimed to analyse al-Dihlawi’s critical thinking method through the debate of al-sa’adah (happiness) in the book titled “Hujjah Allah al-Balighah”. This study employed a qualitative approach. The highlights of in-depth readings were derived primarily from the book of Hujjah Allah al-Balighah. The first step was to translate the text, followed by a content analysis method to extract the concept of happiness discussed in the book and explore it in the context of the critical thinking method in al-Dihlawi’s view. This study’s results found that al-Dihlawi’s critical thinking method was used in debating al-sa’adah in five methods: question and answer thinking, rational thinking, scientific thinking, Sufi thinking and rabbani thinking. If Muslims appreciate and apply al-Dihlawi’s critical thinking method, they could strengthen their mind and direct their thinking toward pursuing happiness in this world and the hereafter. Happiness begins when the human mind can control lust and reject anything that is against*

revelation. Via critical thinking, humans can distinguish between right and wrong through a guide to revelation. When a person can control lust and has a high level of obedience and carry out their obedience to Allah's commands with a full sense of responsibility as his servant, then he can draw closer to Allah SWT and acquire His blessings.

Keywords and phrases: *thinking methods, critical thinking, al-sa'adah, al-Dihlawi, Hujjah Allah al-Balighah*

Abstrak. Era ini menyaksikan dunia yang berkembang dengan begitu pantas sehingga berlaku ketidakpastian dan kecelaruan pemikiran. Gagasan kemodenan yang dicanangkan oleh Barat telah melahirkan pemikiran-pemikiran yang bertentangan dengan akidah Islam sehingga menolak keautoritian al-Quran dan Sunah. Dalam kepesatan teknologi kini juga, umat Islam dilihat perlu menyesuaikan kehidupan mereka dengan gaya hidup moden walaupun bersalahan dengan ajaran Islam. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis kaedah pemikiran kritis al-Dihlawi berdasarkan perbincangan *al-sa'adah* (kebahagiaan) dalam kitab *Hujjah Allah al-Balighah*. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif. Sorotan pembacaan secara mendalam telah dilakukan terhadap kitab *Hujjah Allah al-Balighah* sebagai sumber utama. Penterjemahan teks merupakan langkah pertama diikuti kaedah analisis kandungan bagi mengekstrak konsep kebahagiaan yang dikupas oleh al-Dihlawi dalam konteks kaedah pemikiran kritis. Hasil analisis mendapati terdapat lima kaedah pemikiran kritis al-Dihlawi yang digunakan dalam membahaskan *al-sa'adah*, iaitu pemikiran soal jawab, rasional, saintifik, kesufian dan rabbani. Dengan kaedah ini, umat Islam dapat memantapkan minda dan pemikiran dalam mencapai kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat. Kebahagiaan bermula ketika akal manusia dapat menguasai nafsu dan menolak perkara bertentangan dengan wahyu. Pemikiran kritis mengupayakan manusia untuk membezakan antara yang benar dengan yang batil melalui panduan wahyu. Ketika seseorang telah menguasai nafsunya dan memiliki sifat ketaatan yang tinggi, maka dia dapat mendekatkan diri kepada Allah SWT dan memperoleh keberkatan-Nya.

Kata kunci dan frasa: kaedah berfikir, pemikiran kritis, *al-sa'adah*, al-Dihlawi, *Hujjah Allah al-Balighah*

Pengenalan

Ancaman pemikiran Barat yang disemarakkan dengan semangat untuk memodenkan dan memajukan negara bangsa telah memberi kesan kepada pemikiran Islam. Mereka telah menyusup masuk dalam pemikiran Islam dengan alasan untuk menjadikan agama sentiasa relevan dengan peredaran zaman walhal berlaku perkara-perkara yang tidak sepatutnya sehingga ke tahap melanggar batas syariah Islam itu sendiri (Wan Ismail et al. 2015). Seruan mereka juga adalah ke arah pentafsiran semula sebahagian ajaran Islam yang dilihat tidak praktikal untuk dilaksanakan pada masa kini. Tafsiran ajaran agama secara literal khususnya telah mengubah perkara-perkara prinsip dalam Islam yang telah disepakati oleh

para ulama. Golongan yang terpengaruh dengan pemikiran ini menolak hadis nabi tanpa memahami dan meneliti secara mendalam kebenaran yang terdapat dalam ajaran Islam (Mohd Al'ikhsan, Azwira dan Faisal 2011). Tambahan lagi, terdapat golongan yang cuba mencetuskan kekeliruan terhadap ajaran Islam dengan melabelkan Islam sebagai terorisme sehingga munculnya Islamophobia (amat takut akan Islam). Hal ini menyebabkan lahirnya golongan fundamentalis Islam yang telah menyempitkan tujuan sebenar jihad. Justeru, jihad dilihat sebagai suatu usaha eksploitasi politik bagi menegakkan konsep negara Islam yang berasaskan undang-undang Islam (Sohaimi 2019). Fahaman Islam kini yang dikaitkan dengan keganasan telah menyebabkan kegelisahan dan kekecewaan dalam kalangan umat Islam secara umumnya. Fenomena ini secara tidak langsung memperlihatkan imej negatif mereka yang menganut agama Islam dan imej masyarakat Islam. Hakikatnya, agama Islam ialah agama yang menganjurkan keamanan, kesaksamaan dan keharmonian (Zulkarnain dan Nordin 2013).

Maka, kemunculan pelbagai ideologi moden pada masa kini, terutamanya sekularisme, menjadi satu masalah besar yang bukan sahaja mengikis akidah dan kepercayaan umat Islam malah meragut jati diri umat Islam seluruhnya. Malah, ilmu sekular Barat telah menghakis nilai kebenaran yang terdapat dalam ilmu-ilmu Islam (Hashim et al. 2013). Penyisihan agama Islam daripada kehidupan manusia sudah lama berlaku dalam sejarah Islam. Malah, tujuan para rasul diutuskan kepada manusia adalah kerana manusia menyisihkan agama Allah SWT daripada menjadi panduan dalam kehidupan mereka (Ahmad Mujahideen, Muhammad Nasron dan Norhidayah 2021).

Bagi berhadapan dengan kecelaruan pemikiran ini, umat Islam memerlukan satu kaedah berfikir secara kritis yang menepati piawaian pemikiran Islam, iaitu dengan merujuk kepada pemikiran-pemikiran para ulama yang sentiasa berlandaskan kepada al-Quran dan sunah. Hal ini penting agar akal dan pemikiran dapat diharmonikan dengan wahyu. Kemahiran berfikir secara kritis juga amat penting dalam kehidupan manusia, baik kepada pemimpin, petani, pensyarah, penjaja, guru, jurutera, ahli korporat mahupun seorang pelajar. Namun begitu, kemahiran tersebut perlu disemai, dibaja dan digunakan dalam konteks kehidupan seharian dan dalam apa-apa jua situasi (Zinur Rijal dan Sharfeldin 2021).

Sehubungan dengan itu, antara ulama terkemuka yang sering kali melontarkan idea-idea dan pemikiran yang terkedepan ialah Qutb al-Din Ahmad bin Abd al-Rahim bin Wajih al-Din al-Syahid bin Mu'azam bin Mansur bin Ahmad bin Mahmud bin Qiwwam al-Din al-Dihlawi (dikenali dengan nama Shah Wali Allah al-Dihlawi, seterusnya dirujuk sebagai al-Dihlawi). Beliau merupakan seorang ulama India yang berwibawa pada abad ke-18 dan digelar sebagai *mujaddid alaf*

al-thani (reformis/pembaharu abad ke-12) (Abdul Salam 2007). Beliau sentiasa berusaha untuk memurnikan kembali ajaran al-Quran dan sunah disebabkan kehidupan masyarakat zamannya yang bersifat jumud dan taklid buta (Abdul Hayei 1998). Kitab *Hujjah Allah al-Balighah* (seterusnya disebut sebagai *Hujjah Allah*) merupakan karya yang masyhur sebanding dengan kitab *Ihya' Ulum al-Din* karya Imam al-Ghazali (Noraini 2017). Kesarjanaan beliau meliputi pelbagai bidang ilmu. Pemikiran-pemikiran beliau telah dikaji dan dianalisis oleh pelbagai sarjana. Prospek intelektual al-Dihlawi adalah tidak ternilai dan tidak hanya meliputi pengajian agama semata-mata. Disebabkan amanah dan tanggungjawab terhadap nilai akademik, beliau merasakan terdapat keperluan untuk mengulas isu-isu berkaitan ketamadunan, sosial masyarakat, serta politik dan ekonomi, yang menunjukkan elemen-elemen ini berkait antara satu sama lain ke arah pembinaan masyarakat secara universal dan menyeluruh. Beliau dapat menguasai unsur-unsur ini dengan baik dan membahaskan teori-teori yang dicadangkan secara logik dan masuk akal. Oleh itu, tidaklah menghairankan sekiranya teori-teori beliau menjadi terkemuka dan boleh diterima pakai serta pemikiran beliau juga agak terkedepan melangkaui sempadan kehidupan dan masa lalu (Mohd Arif et al. 2015).

Melihat kepada suasana masyarakat zamannya yang jauh daripada penghayatan agama Islam, al-Dihlawi telah menghasilkan kitab *Hujjah Allah* yang mencakupi pelbagai bidang ilmu. Kitab tersebut mengandungi mutiara kata yang tidak ternilai termasuklah perbahasan tentang kebahagiaan. Beliau mengajak umat Islam untuk mencapai kebahagiaan hakiki dengan memaparkan konsep dan elemen penting yang perlu ada pada setiap umat Islam dalam menggapai kebahagiaan tersebut.

Justeru, kajian ini bertujuan menganalisis kaedah pemikiran kritis al-Dihlawi berdasarkan perbahasan kebahagiaan dalam kitab *Hujjah Allah*. Beberapa kaedah pemikiran kritis akan dibincangkan melalui pendekatan pemikiran al-Dihlawi dalam mengupas perbahasan kebahagiaan.

Konsep Pemikiran Kritis

Bidang pemikiran kritis telah berkembang luas merentasi pelbagai bidang ilmu. Bidang ini dilihat sebagai satu bentuk kemahiran yang perlu ada pada setiap seseorang. Sekiranya sejarah pemikiran kritis ditelusuri, perkara ini telah dilaksanakan secara praktikal dalam kalangan tokoh Yunani seperti Socrates, Plato dan Aristotle ketika terlibat dengan analisis, perdebatan dan penghakiman (Nasruddin, Abdul Salam dan Mohamad Mohsin 2012; De Bono 2002; Abdul Rahman 2001). Namun demikian, perbahasan secara teori dan menyeluruh telah dikembangkan pada abad ke-19 sehingga kini (Muhammad Mumtaz 2011).

Pelbagai definisi dari pelbagai perspektif saintifik telah diperkenalkan yang boleh digunakan untuk mewakili konsep dan memberikan gambaran keseluruhan tentang pemikiran kritis. Antara takrif yang diberikan ialah berfikir secara serius dan mendalam (Dewey 1933) bagi mempertimbangkan sebarang masalah dengan membawakan bukti dan rasional (Glaser 1941; Dewey 1933). Keadaan ini melibatkan aktiviti mental seperti analisis, sintesis dan penilaian (Bloom 1956). Pemikiran kritis tidak bermaksud untuk menghina, meruntuhkan, bersifat negatif atau kemahiran yang tidak produktif tetapi perkembangan kemahiran yang berhubung dengan kritikan yang membina terhadap sesuatu pemikiran (Woods dan Walton 1974). Meyers (1986) merumuskan kemahiran ini sebagai proses intelek yang berdisiplin, aktif dan mahir dalam membuat konsepsi, aplikasi, analisis, sintesis, menilai maklumat berdasarkan pemerhatian, pengalaman, perenungan, hujahan atau komunikasi sebagai asas berfikir dan bertindak. Dengan berfikir secara kritis, seseorang mampu menilai idea, cadangan, tindakan dan penyelesaian serta mampu membuat penilaian sama ada hendak menerima sesuatu alasan itu sebagai munasabah ataupun tidak (Phillips 1997). Di samping itu, seseorang itu juga mampu membuat keputusan yang bijak dan memperbetulkan kesimpulan tanpa dipengaruhi oleh godaan emosi, tidak tergesa-gesa, mempertimbangkan perkara yang tidak berkaitan, kedunguan, bias atau perkara seumpamanya (Moore dan Parker 2012). Dalam makna yang disampaikan tersebut, pemikiran kritis bukan sekadar aktiviti atau tabiat akal semata, tetapi perlu dipelajari dan diasah dengan cara untuk berfikir dengan betul (Mullix 2012). Makna pemikiran kritis ini menggambarkan keperluan setiap individu untuk memiliki kemahiran tersebut bagi menghadapi kehidupan dan pemikiran yang kompleks pada zaman moden ini. Hal ini bermakna seorang pemikir kritis seharusnya boleh memahami, menganalisis, menilai, membuat kesimpulan dan mengawal sendiri sesuatu isu atau kes yang dikemukakan secara berkaedah bagi mencari kebenaran (Darwin et al. 2022).

Dalam Islam, pemikiran kritis juga dinilai sebagai satu bentuk pemikiran yang tidak menerima maklumat sewenang-wenangnya, sebaliknya menganalisis dan mengkaji secara mendalam tanpa mengira siapa yang melontarkan idea tersebut (al-Qaradawi 1996). Seseorang yang berfikir kritis mempunyai kecekapan dan keupayaan menggunakan minda bagi menilai kemunasabahan atau kewajaran sesuatu idea, meneliti kebernasan, kebaikan dan kelemahan sesuatu hujah dan membuat pertimbangan yang wajar dengan menggunakan alasan dan bukti yang munasabah (Ainon dan Abdullah 2005; Som dan Mohd Dahalan 1998). Dalam menganalisis idea dan hujah, seseorang memerlukan pengalaman dan pengetahuan yang luas sehingga mampu membuat pengamatan yang tajam (Mohd Azhar 2001). Seseorang juga dapat membezakan yang benar dengan yang salah, yang baik dengan yang buruk, yang bermanfaat dengan yang bermuslihat, yang

memberi faedah dengan yang mendatangkan padah dan sebagainya (Sidek 2009). Pemikiran kritis akan menolak sebarang laporan dan pandangan yang tidak berlandaskan bukti dan dalil (Danial 2014).

Dalam definisi yang dikemukakan tersebut, terkandung ciri-ciri dan elemen merangkumi menganalisis, menilai, meneliti, mengamati, merumus dan menguji terhadap hujah, data, fakta dan maklumat. Ciri-ciri ini turut disentuh dalam al-Quran, contohnya Surah ar-Rum banyak menggunakan istilah yang berhubung elemen-elemen pemikiran kritis seperti “pendengaran”, “pengamatan”, “penglihatan dan mata hati”, “pemikiran”, “kemampuan”, “bukti”, “tanda”, “ilmu” dan “perumpamaan”. Istilah-istilah tersebut berkisar kepada keperluan berfikir secara mendalam, serius dan terfokus dengan memikirkan tentang manusia dan alam. Surah ini juga mengajak umat Islam untuk mendengar, melihat, memerhati, mengkaji dan merenung melalui pancaindera pendengaran dan memikirkan tentang perumpamaan yang dipaparkan (Zainorah 2015). Justeru, tidak dinafikan bahawa keyakinan para sarjana Islam terhadap akal yang berupaya untuk mencapai kebenaran sekiranya diselaraskan dengan wahyu. Sehubungan dengan itu, penggunaan akal secara kritis dan mendalam akan dapat memandu manusia mencapai kehidupan yang benar dan dapat menggambarkan identiti umat Islam yang berpaksikan ajaran wahyu Allah SWT (Noraini et al. 2021; Noraini dan Abdul Manam 2020).

Kaedah Pemikiran Kritis

Kemampuan dan penggunaan akal setiap manusia adalah berbeza. Hal ini disebabkan oleh perbezaan latar belakang keluarga, pendidikan, keadaan, situasi dan zaman mereka. Menurut Jamal dan Mustapha (2009), manusia berbeza tahap pemikiran berdasarkan kepada tahap keimanan, kemampuan untuk fokus atau menumpukan perhatian, tahap pengetahuan dan ketidakasingan sesuatu perkara itu terhadapnya. Justeru, teknik berfikir yang sah dan efektif amat penting untuk membantu seseorang dalam memutuskan sesuatu permasalahan. Sekiranya kaedah atau teknik berfikir yang diguna pakai itu sah dan tepat maka tindakan yang menyusul pasti memberi manfaat dan begitu juga sebaliknya (Wan Haslan 2014). Pemikiran kritis memfokuskan terhadap kaedah-kaedah yang seharusnya digunakan oleh setiap individu untuk berfikir dengan berkesan. Proses ini merupakan satu aktiviti yang dijalankan oleh akal yang memerlukan hubungan yang erat antara keupayaan kognitif, kemahiran dengan sikap bagi membolehkan individu memahami dan seterusnya mencorakkan alam sekelilingnya. Gabungan secara kolektif antara elemen-elemen tersebut dalam menjana proses pemikiran akan menjadikan proses tersebut dapat berjalan dengan lancar tanpa sebarang gangguan yang membatasi (Rizaman, Rabiatal Adawiah dan Muhammad Zuhair 2019).

Dalam sejarah pemikiran manusia, kaedah atau gaya berfikir telah berkembang menurut perkembangan manusia dan peredaran masa. Pada pertengahan abad ke-19, lebih daripada 40 kaedah berfikir telah ditemui oleh pakar-pakar bidang pemikiran dan kognitif termasuklah kaedah pemikiran kritis dan kreatif (Wan Haslan 2014). Antara kaedah-kaedah pemikiran kritis yang dibincangkan oleh tokoh-tokoh pemikiran ialah pemikiran soal jawab, objektif, positif, rasional, saintifik, historis, analitikal, reaktif, proaktif, sistematik, konvergen, konstruktif, pragmatik, heuristik dan negatif (Kamarudin 2003; Mohd Azhar 2001; Ainon dan Abdullah, 1996; Nasruddin, Abdul Salam dan Mohamad Mohsin 2012; Sidek 2009; Abdul Rahman 2001; Jamal dan Mustapha 2009; al-Ghazali 1996).

Dalam konteks kajian ini, penulis memilih beberapa kaedah pemikiran kritis yang benar-benar penting dan relevan dalam perbahasan kebahagiaan oleh al-Dihlawi. Antara kaedah-kaedah tersebut ialah pemikiran soal jawab, rasional dan saintifik. Pemikiran soal jawab ialah satu kaedah berfikir secara kritis untuk mengeluarkan isu-isu dan masalah yang berkaitan, menyelidiki akibat, memikirkan alternatif dan membangkitkan konsep baharu dalam sesuatu perkara. Kaedah ini pada awalnya telah diperkenalkan oleh Socrates (c. 469 SM–399 SM) dan dikenali sebagai kaedah sokratik (*socratic method*) dengan memfokuskan kepada pertanyaan-pertanyaan soalan terhadap pihak lawan dan memberikan reaksi kepada jawapan yang diberikan. Dengan kaedah ini, isu-isu yang kompleks dapat diselesaikan dan sesi pembelajaran akan berlaku (Goldschmidt dan Matthews 2022). Kaedah ini juga menekankan kepada proses soal jawab atau dialog antara dua pihak dan memfokuskan kepada analisis, perdebatan dan penghakiman (Stumpt 1983). Socrates banyak mempersoalkan tentang istilah-istilah yang kompleks dan bersifat relatif di samping menguatkan hujah terhadap golongan *sophist* (ahli falsafah Yunani yang terkenal dengan hujahan dan perdebatan) zamannya. Antara persoalan yang ditimbulkan ialah “Apakah kebenaran?”, “Apakah kebaikan?”, “Apakah kebahagiaan?” dan lain-lain lagi (Stumpt 1983). Dalam aspek pemikiran kritis, hanya soalan-soalan yang penting sahaja dikemukakan dan semestinya berhubung dengan sesuatu perkara atau isu yang ditimbulkan atau sesuai dengan tahap pemikiran dan pendidikan seseorang (Kamarudin 2003; Mohd Azhar 2001). Persoalan yang dikemukakan hendaklah soalan yang membina dan berasaskan logik serta bersesuaian dengan fakta dan maklumat yang dibincangkan. Maka, soalan-soalan yang tidak berkaitan atau tidak relevan, seperti yang dikemukakan oleh golongan sofis pada zaman Yunani untuk memutarbelitkan sesuatu fakta, tidak termasuk dalam kaedah pemikiran kritis. Sehingga kini, kaedah sokratik telah digunakan secara meluas dalam pedagogi yang dikenali sebagai teknik penysoalan sokratik (*socratic questioning*), iaitu kaedah berpusatkan pelajar (Siti Fairuz, Aina Sakinah dan Lina Mursyidah 2022). Selain itu, kaedah sokratik ini juga telah lama dianggap memainkan peranan penting dalam terapi tingkah laku kognitif untuk kemurungan (Vittorio et al. 2022).

Kaedah pemikiran rasional pula adalah kaedah yang digunakan untuk mendapatkan pengetahuan dengan menggunakan pertimbangan atau kriteria kebenaran yang dapat diterima oleh akal. Berdasarkan kaedah ini, sesuatu dianggap benar sekiranya dapat diterima oleh akal seperti nilai 10 lebih besar daripada 1. Anjuran berfikir secara rasional ini juga dapat dilihat melalui al-Quran yang menggesa umat Islam untuk memikirkan tentang makhluk dan segala ciptaan-Nya (Qomar n.d.). Berfikir secara rasional bermakna mengamalkan matlamat yang sesuai, mengambil tindakan yang sewajarnya berdasarkan matlamat dan kepercayaan seseorang, dan memegang kepercayaan yang setimpal dengan bukti yang ada. Berfikir secara rasional juga dapat mengelakkan bias dan bersifat peribadi dengan adanya bukti dan hujah yang diterima oleh akal (Stanovich, West dan Toplak 2013). Kaedah rasional yang menengahkan kaedah hujahan logik ini diperkenalkan pada zaman Yunani dan telah berkembang dalam dunia Islam melalui golongan *mutakallimun* (ahli kalam). Kaedah ini digunakan untuk mempertahankan agama daripada serangan teologi yang bertentangan dengan Islam (Ahmad Nabil 2022).

Pemikiran saintifik pula ialah proses kognitif yang mendasari penemuan sains. Hampir 400 tahun yang lalu, pemikiran saintifik telah menjadi topik yang diberi perhatian oleh kebanyakan penyelidik. Pemikiran saintifik ini menjadi isu penting dan menjadi pusat ilmu sains, iaitu bukan sekadar tentang pemahaman kita berkenaan sains tetapi juga tentang pemahaman kita terhadap “*what it is to be human*” (apakah itu menjadi manusia). Pemikiran saintifik hanya dapat dibangunkan sekiranya seseorang dapat menguasai konsep sains yang tepat dan menguasai aktiviti penyiasatan dengan berkesan (Rafidatul dan Johari 2013). Pemikiran saintifik juga merupakan corak berfikir yang sistematik dan dinamik berasaskan penemuan sains melalui pembuktian penciptaan alam ini (Mohd Syahmir 2014). Pemikiran saintifik turut memfokuskan kepada logik penaakulan akal manusia dan adalah berdasarkan fakta yang munasabah menurut perspektif pemikiran manusia dan prinsip yang dihasilkan oleh sains yang boleh diuji secara empirik. Dengan kata lain, pemikiran ini ialah kemahiran untuk berfikir tentang alam dan fenomena berkaitan mengikut satu set kaedah dan metodologi yang spesifik (Alias dan Rahimin 2010). Dalam pengajaran dan pembelajaran abad ke-21, pemikiran saintifik amat penting kerana pemikiran ini berupaya menyelesaikan masalah dan membuat keputusan, malah turut memainkan peranan asas dalam menentukan, menilai dan mengembangkan kemahiran dan hasil pembelajaran yang ditekankan masa kini (Bao et al. 2022).

Selain daripada tiga kaedah tersebut, terdapat kaedah lain yang dapat diklasifikasikan sebagai kaedah berfikir kritis, iaitu pemikiran kesufian dan pemikiran rabbani. Pemikiran kesufian berkait rapat dengan aliran pemikiran kaum sufi dalam perspektif tasawuf. Menurut *Kamus Dewan* (2007), “kesufian” bermaksud tingkat

pencapaian menjadi ahli sufi, iaitu golongan yang berusaha untuk mengenal Tuhan dengan sebenar-benarnya dan mendekati diri dengan Tuhan. Maka, pemikiran kesufian ialah segala bentuk pemikiran atau pola fikir yang berorientasikan manusia dengan alam ketuhanan. Pemikiran kesufian mengalami perkembangan yang cukup unik dan menarik. Dari satu segi, pemikiran kesufian menimbulkan desakan ideologi yang tajam seperti yang dibawa oleh Abu Mansur al-Hallaj melalui doktrin *Ana al-Haq* (Aku adalah Kebenaran). Dari segi lain, pemikiran kesufian mampu melahirkan intelektual Islam secara lebih positif dan dinamik. Hal ini dapat dilihat daripada peranan para sarjana sufi yang mempunyai pengaruh tersendiri sama ada di Timur mahupun di Barat, seperti Jalaluddin al-Rumi dan Ibn ‘Arabi. Uniknyanya juga, objek kajian dan ruang lingkup pengalaman kesufian bersifat esoterik (hanya difahami, diketahui atau dihayati oleh sebilangan kecil orang sahaja), ghaib dan tersembunyi iaitu Tuhan yang transenden (di luar segala kemampuan manusia), sehingga amat jauh daripada cerapan pancaindera dan rasional manusia. Justeru, pemikiran kesufian berpegang erat pada *dhawq* (pengalaman batin) dan emosi sebagai landasan epistemologi. Dengan cara ini, seorang sufi dapat mengetahui dan berhubungan secara langsung dengan hakikat alam yang satu, iaitu Tuhan (al-Kaf 2014). Namun demikian, landasan epistemologi ini harus ditangani dan diolah dengan cermat supaya tidak menimbulkan konflik dan ketegangan dalam kalangan masyarakat awam. Pada masa yang sama, salah faham tentang amalan kesufian dan tasawuf itu sendiri menyebabkan bidang ini dianggap tidak relevan dengan situasi dan keadaan masa kini.

Tujuan dan matlamat hidup manusia di muka bumi adalah bertunjangan pengabdian kepada Allah SWT (*rabb* – pemilik), iaitu Tuhan yang Maha Esa. Dialah yang mencipta, mentadbir dan berkuasa ke atas seluruh makhluk ciptaan-Nya sama ada di langit mahupun di bumi. Segala cara hidup manusia tidak harus dipisahkan dengan elemen ketuhanan. Setiap tindak tanduk manusia sama ada iktikad, amalan, perilaku, budi bicara, mahupun pemikiran semuanya dinilai dan dihitung oleh Allah SWT kelak. Salah satu cara manusia menggunakan akal secara kritis adalah dengan berfikir dalam acuan ketuhanan atau rabbani. Firman Allah SWT dalam Surah Ali ‘Imran (3:79):

Terjemahan: Tidaklah patut bagi seseorang manusia yang Allah telah berikan kepadanya kitab agama dan hikmat serta pangkat nabi, kemudian ia tergamak mengatakan kepada orang ramai: “Hendaklah kamu menjadi orang-orang yang menyembahku dengan meninggalkan perbuatan menyembah Allah”. Tetapi (sepatutnya ia berkata): “Hendaklah kamu menjadi orang-orang *rabbaniyin* (yang hanya menyembah Allah Taala – dengan ilmu dan amal yang sempurna), kerana kamu sentiasa mengajarkan isi kitab Allah itu, dan kerana kamu selalu mempelajarinya”.

Terdapat beberapa maksud bagi kalimah *rabbaniyyin* dalam ayat tersebut, antaranya boleh dibahagikan kepada empat pengertian. Pertama, golongan yang berilmu, bertakwa, bijaksana, fuqaha, pendidik dan ulama yang beramal dengan ilmu yang diperoleh dan menyandarkan segala-galanya kepada Allah SWT (al-Suyuti n.d.; al-Baghawi 1997; al-Tabari 2000). Kedua, orang yang benar-benar berilmu dan bijak mentadbir segala urusan manusia (al-Alusi 1994). Ketiga, orang yang memperhambakan diri kepada Allah SWT dan begitu berpegang teguh dengan Islam serta mentaati perintah Allah SWT dengan ketaatan yang tidak berbelah bahagi (al-Samarqandi n.d.; al-Nasafi 1998). Keempat, berilmu, mengajarkan ilmu dan mengkaji (al-Razi 1999). Secara umum, definisi yang dinyatakan tersebut menghubungkan manusia dengan Allah SWT dari sudut ilmu dan amal. Ilmu tersebut merangkumi ilmu agama dan ilmu yang berkaitan dengan urusan manusia di dunia. Maka, golongan yang berilmu dan beramal meletakkan segala ketaatan kepada Allah SWT dalam segala aspek kehidupan. Dalam masa yang sama, golongan rabbani turut menggunakan segala kekuatan akal mereka dalam menghubungkan diri dengan Allah SWT.

Maka, pemikiran rabbani boleh diertikan sebagai pemikiran yang meletakkan elemen ketuhanan dalam setiap cara hidup Muslim, antaranya dari sudut kerohanian, keluarga, sosial, pendidikan, kerjaya, harta dan kesihatan (al-'Afifi 1998). Maksud yang diutarakan ini mempunyai konotasi pengertian dengan kupasan al-Qaradawi (1997) yang memfokuskan kepada dua maksud, iaitu matlamat dan objektif kehidupan manusia adalah untuk mendapatkan keredaan Allah SWT semata-mata dan segala kaedah dan sumber rujukan bagi manusia hanyalah berasaskan wahyu.

Sidek (2006) menghuraikan pemikiran rabbani dengan lebih luas lagi sebagai suatu pemikiran reflektif, iaitu menjadikan risalah bersandarkan nilai-nilai yang terdapat dalam al-Quran (*Qur'ani*) sebagai sumber utama yang membolehkan manusia berfikir dan menghubungkan proses berfikir dengan kehidupan itu sendiri. Pemikiran rabbani atau refleksi *Qur'ani* membawa manusia menghubungkan ayat-ayat Allah SWT dengan realiti. Al-Quran yang diturunkan memberi fokus kepada pembangunan manusia yang mana manusia perlu hidup dengan persekitaran dan sistem dan segala yang berkaitan dengan manusia termasuk dalam ketentuan Allah SWT. Pemikiran rabbani mengingatkan supaya manusia mengambil iktibar daripada ayat-ayat Allah SWT, bagi mengelakkan daripada terjebak dengan kebinasaan dan azab yang pedih. Pemikiran rabbani juga membimbing manusia tentang faktor masa dan ruang yang bersifat dinamik. Walaupun pemikiran manusia berkembang seiring dengan kemodenan masa kini, namun tradisi lampau tidak harus dilupakan. Tradisi lampau yang bertunjangkan asas syarak, integrasi

ilmu, kekuatan akhlak, daya jihad yang tinggi, strategik terhadap kemajuan dan perubahan memberi ruang dan kekuatan untuk umat Islam meneroka tamadun dan peradaban secara lebih terarah dan seimbang.

Elemen pemikiran rabbani yang dikemukakan tersebut menjurus kepada usaha untuk mendapatkan keredaan Allah SWT dunia dan akhirat. Penekanan elemen tersebut memperlihatkan pemikiran rabbani merangkumi nilai keislaman dalam diri manusia dengan berpegang pada konsep Islam sebagai cara hidup. Nilai rabbani memandu pemikiran seseorang dalam konteks pembangunan jasmani dan rohani, dunia dan akhirat berdasarkan ilmu ketuhanan (Saripah dan Zaton 2018). Pemikiran rabbani juga mengembalikan diri manusia kepada fitrah atau kepada pencipta. Manusia yang pada asalnya dilahirkan dengan fitrah yang baik dan luhur, namun melalui didikan dan pengaruh yang bersifat negatif, fitrah tersebut akan hilang atau terpesong (Norasikin dan Zawawi 2018).

Hakikat Kebahagiaan

Kebahagiaan ialah suatu perkara yang sangat didambakan oleh setiap manusia dan menjadi matlamat utama yang ingin dicapai dalam kehidupan. Namun dalam mencari kebahagiaan, manusia sering kali tersasar daripada jalan kebenaran, iaitu al-Quran dan sunah. Oleh itu, sama ada secara sedar atau tidak, kebahagiaan yang dirasakan oleh seseorang kadang-kadang bersifat sementara dan tidak memberi kepuasan yang sempurna khususnya kepada jiwa. Malah, bersalahan dengan pemikiran akal yang sihat dan hanya mengikut kepuasan nafsu semata-mata (Noraini 2017).

Petunjuk yang diberikan dalam al-Quran berkenaan kebahagiaan hakiki merujuk kepada kejayaan seseorang yang dapat memasuki syurga di akhirat kelak dan bukan hanya mendapat kebahagiaan di dunia semata-mata. Manifestasi kebahagiaan yang tertinggi di dalam syurga adalah ketika manusia dapat bertemu dengan Tuhan. Kebahagiaan hakiki terhasil daripada kesungguhan dan ketabahan yang dilakukan oleh seorang mukmin semasa hidup di dunia dalam menunaikan ketaatan atau semasa menempuh ujian dan rintangan atau dalam menghadapi godaan daripada perkara-perkara dosa dan maksiat. Begitu juga keredaan mereka dengan ketetapan bahawa adanya janji kebahagiaan bagi mereka yang beriman dengan hari akhirat. Justeru, perkara utama yang mendasari kebahagiaan sejati tidak diperoleh menerusi aspek kebendaan. Kebahagiaan yang terhasil daripada kebendaan hanyalah bersifat sementara dan tidak dapat memberikan ketenangan dan kepuasan kepada jiwa manusia malah tidak menjamin manusia untuk memasuki syurga (Sholihah 2016; Fajriah, Junaedi and Maimun 2016).

Imam al-Ghazali (2011) turut menekankan kebahagiaan akhirat. Beliau menyatakan bahawa kebahagiaan yang tertinggi dan hakiki dicapai melalui keupayaan manusia memperoleh keutamaan-keutamaan akhlak dan kesucian jiwanya. Kebahagiaan yang hakiki adalah dengan dapat mengingati Allah SWT dan seterusnya mengenali Allah SWT dengan memiliki keutamaan-keutamaan jiwa dan budi pekerti. Keutamaan dan kesucian jiwa dapat membezakan antara jalan kebahagiaan dengan kesengsaraan manakala kebaikan akhlak atau budi pekerti pula diperoleh melalui amal ibadat yang berterusan sehingga hilang kebiasaan-kebiasaan yang keji dan mungkar. Inilah jalan utama manusia bagi memperoleh keberkatan dan kenikmatan dunia dan akhirat.

Al-Dihlawi (1999) juga berpandangan bahawa kebahagiaan tertinggi (*al-sa'adah al-haqiqiyah*) bagi seseorang adalah ketika Allah SWT reda dengan hamba-Nya lalu dapat bertemu dengan-Nya di akhirat kelak. Kebahagiaan hakiki mempunyai hubungan erat dengan potensi dan keupayaan sifat manusia dari sudut unsur kebinatangan (*bahimiyyah*) dan sifat kemalaikatan (*malakiyyah*). Antara sifat haiwan ialah makan, tidur, berkelahi, ingin menguasai dan lain-lain lagi. Sifat malaikat pula ialah sentiasa taat pada perintah Allah SWT, sentiasa merenungkan keindahan Tuhan dan seumpamanya. Bagi al-Dihlawi (2005), kebahagiaan hakiki adalah semasa sifat haiwan tunduk kepada sifat malaikat, keinginan nafsu mengikut kehendak akal, sifat malaikat menguasai sifat haiwan dan akal manusia mengatasi nafsu. Sekiranya seseorang telah menguasai nafsunya dan memiliki sifat malaikat, maka ia dapat mendekati diri kepada Allah SWT dan memperoleh keberkatan-Nya.

Justeru, perkara utama yang mendasari kebahagiaan sejati tidak diperoleh menerusi aspek kebendaan. Kebahagiaan yang terhasil daripada kebendaan hanyalah bersifat sementara dan tidak dapat memberikan ketenangan dan kepuasan kepada jiwa manusia malah tidak menjamin manusia untuk memasuki syurga. Perbincangan tentang kebahagiaan yang dikemukakan oleh al-Dihlawi meletakkan akal dan rohani sebagai elemen utama yang menentukan kebahagiaan seseorang. Akal atau minda dan jiwa yang sentiasa mengingati Allah SWT dan menyebut-Nya dalam apa-apa jua keadaan serta melakukan segala ketaatan akan membawa manusia untuk mengenali-Nya.

Metodologi

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan sorotan pembacaan dilakukan melalui rujukan kepada kitab utama iaitu *Hujjah Allah* di samping beberapa bahan bacaan lain yang berautoriti seperti buku, tesis, jurnal dan kertas kerja seminar. Dokumen sekunder daripada sumber rujukan bercetak dan elektronik yang telah

diambil dari laman-laman sesawang berautoriti seperti ResearchGate, Google Scholar, repositori perpustakaan digital dan lain-lain turut digunakan. Dari sudut analisis data, kajian ini menggunakan pendekatan analisis kandungan dokumen. Krippendorff (2004) mendefinisikan analisis kandungan dokumen sebagai teknik kajian yang digunakan bagi membuat kesimpulan yang boleh diulang dan sah daripada teks (atau bahan lain yang bermakna). Analisis kandungan dokumen merupakan alat saintifik yang melibatkan prosedur khusus bertujuan untuk menyediakan pandangan baharu, meningkatkan kefahaman pengkaji berkaitan fenomena tertentu atau menjelaskan tindakan yang praktikal. Maka, kaedah ini telah digunakan bagi mengenal pasti dan mengekstrak konsep kebahagiaan yang dikupas dalam kitab *Hujjah Allah* dan menganalisis kupasan al-Dihlawi dalam konteks kaedah pemikiran kritis. Kitab ini telah dipilih kerana perbincangan tentang konsep kebahagiaan berkait rapat dengan pemikiran manusia. Kupasan dan analisis berkenaan kaedah pemikiran kritis al-Dihlawi amat penting dan relevan dalam memberikan panduan kepada manusia untuk menggunakan fikiran dengan cara yang betul, seterusnya dapat menggapai kebahagiaan yang sebenar. Menurut Bryman (2008) juga, analisis kandungan dokumen ialah metodologi kajian yang telus kerana skema pengekodan dan prosedur pensampelan boleh ditetapkan dengan jelas. Oleh itu, kajian semula dan kajian lanjutan boleh dilakukan pada masa hadapan. Justeru, kelebihan kaedah ini berbanding kaedah biasa adalah kerana kaedah ini disandarkan kepada kitab yang bersifat ensiklopedia, komprehensif dan autentik berkenaan falsafah dan pemikiran hidup Islam.

Dapatan Kajian

Susunan perbahasan *al-sa'adah* dalam kitab *Hujjah Allah*

Perbahasan *al-sa'adah* diletakkan dalam perbahasan keempat kitab *Hujjah Allah* dalam jilid pertama. Al-Dihlawi (1999) membahagikan *al-mabhath* (perbahasan) ini kepada tujuh bab. Berdasarkan kitab yang ditahkikkan oleh Syarif Sukkar, beliau telah membahagikan pula setiap bab kepada topik-topik kecil seperti dalam jadual berikut:

Jadual 1. Kandungan perbahasan *al-sa'adah* dalam *al-mabhath al-rabi'* (perbahasan keempat) kitab *Hujjah Allah*

<i>Al-Mabhath al-Rabi'</i>	Bab	Subtopik
<i>Mabhath al-Sa'adah</i>	1. <i>Haqiqah al-Sa'adah</i>	a. <i>Li al-Insan Kamalat Taqtadiha al-Surah al-Naw'iyyah</i>
		b. <i>Asl al-Kamalat Mawjud Fi Afrad al-Hayawan</i>
		c. <i>Asl al-Sina'at Mawjud Fi al-Hayawan</i>
		d. <i>Al-Umur al-Lati Tasytabik bi al-Sa'adah al-Haqiqah</i>
		e. <i>Al-Ibadat wa al-Riyadat</i>
		f. <i>Afrad al-Insan Tasytaq Ila al-Sa'adah al-Haqiqah</i>
	2. <i>Ikhtilaf al-Nas Fi al-Sa'adah</i>	a. <i>Ikhtilaf al-Nas fi Sa'ir al-Akhlaq</i>
		b. <i>Minhum al-Faqid</i>
		c. <i>Minhum al-lazi Khuliqa Fihi Asl al-Khulq</i>
		d. <i>Minhum al-lazi Khuliqa Fihi al-Khalq Kamilan</i>
		e. <i>Minhum al-Faqid al-Lazi Yarja Lah</i>
		f. <i>Waminhum al-Anbiya' al-lazi Yata'ti Lahum al-Khuruj Ila al-Kamal</i>
	3. <i>Tawazzu'u al-Nas Fi Kayfiyat Tahsil Hazihi al-Sa'adah</i>	a. <i>Tahsil al-Sa'adah bi al-Insilakh 'an al-Tabi'ah al-Bahimiyyah</i>
		b. <i>Tahsil al-Sa'adah bi-Islah al-Bahimiyyah</i>
		c. <i>Al-Tadbir al-Ilahi bi-Irsal al-Rusl</i>
		d. <i>Tafsil Wajhiya Tahsil al-Sa'adah</i>

(bersambung)

Jadual 1. (sambungan)

4. <i>Al-Usul al-Lati Yarji 'u Ilayha Tahsil al-Tariqah al-Thaniyah</i>	<ul style="list-style-type: none"> a. <i>Tariq Tahsil al-Sa'adah 'ala al-Wajh al-Thani Muraji' uha Ila Arba'i Khisal</i> b. <i>Al-Khislah al-Ula: al-Taharah</i> c. <i>Al-Taharah Asybah al-Sifat al-Nasamiyyah Bihalat al-Mala' al-a'la</i> d. <i>Al-Khislah al-Thani: al-Ikhat Lillah al-Ta'ala</i> e. <i>Al-Khislah al-Thalithah: al-Samahah</i> f. <i>Al-Khislah al-Rabi'ah: Malakah fi al-Nafs Tasdir 'Anha al-Af'al al-Karimah</i> g. <i>Inna Haqiqat al-Khisal al-Arba' Kuntu Faqih</i>
5. <i>Tariq Iktisab Hazihi al-Khisal wa Takmil Naqisiha wa Raddi Fa'itiha</i>	<ul style="list-style-type: none"> a. <i>Al-Tadbir al-'Ilmi Li-iktisab al-Khisal al-Arba'i</i> b. <i>Masalik al-Anbiya'</i> c. <i>Maslik Nabina 'Alayh al-Salam</i> d. <i>Al-Tadbir al-'Amali Li-iktisab al-Khisal al-Arba'i</i> e. <i>Likulli Wahid min al-Khisal Asbab</i> f. <i>Asbab al-Taharah</i>
6. <i>Al-Hijab al-Mani'ah 'an Zuhur al-Fitrah</i>	<ul style="list-style-type: none"> a. <i>Al-Hijab al-Mani'ah lizuhur al-Fitrah Thalathah</i> b. <i>Hijab al-Nafs</i> c. <i>Hijab al-Rasm: Min al-Nas Man La Yuzal Mustaghraqan fi al-Hijab</i> d. <i>Ma'zam al-Khata' Syay'an: Tashbih wa Isyraq</i>
7. <i>Tariq Raf'i Hazihi al-Hijab</i>	<ul style="list-style-type: none"> a. <i>Tadbir Hijab al-Taba'u</i> b. <i>Tadbir Hijab al-Rasm</i> c. <i>Munassya'a Su'u al-Ma'rifah bi al-Isyraq wa al-Tasbih</i>

Berdasarkan Jadual 1, al-Dihlawi membahagikan *Mabhath al-Sa'adah* kepada tujuh bab dan pembahagian setiap bab diperincikan lagi oleh pentahkik kitab, Syarif Sukkar, untuk memudahkan lagi pembaca memahami perbincangan dan ulasan bagi setiap bab tersebut. Bab “*Haqiqah al-Sa'adah*”, “*Ikhtilaf al-Nas Fi al-Sa'adah*” dan “*Tariq Iktisab Hazihi al-Khisal wa Takmil Naqisiha wa Raddi Fa'itiha*” masing-masing diperincikan lagi kepada enam subtopik manakala bab “*Tawazzu'i al-Nas Fi Kayfiyat Tahsil Hazihi al-Sa'adah*” dan “*al-Hijab al-Mani'ah 'an Zuhur al-Fitrah*” pula masing-masing dibahagikan kepada empat subtopik. Selain itu, terdapat tujuh, enam dan tiga subtopik dalam bab “*al-Usul al-Lati Yarji'u Ilayha Tahsil al-Tariqah al-Thaniyah*”, “*Tariq Iktisab Hazihi al-Khisal wa Takmil Naqisiha wa Raddi Fa'itiha*” dan “*Tariq Raf'i Hazihi al-Hijab*” masing-masing. Hampir kesemua subtopik dalam perbahasan *al-sa'adah* ini dan topik-topik dalam bab-bab lain yang bersesuaian akan digunakan sebagai panduan untuk memahami secara mendalam kaedah pemikiran kritis al-Dihlawi.

Kaedah pemikiran kritis dalam perbahasan *al-sa'adah*

Setelah dianalisis perbahasan *al-sa'adah*, al-Dihlawi dilihat menggunakan lima kaedah pemikiran kritis iaitu pemikiran soal jawab, pemikiran rasional, pemikiran saintifik, pemikiran kesufian dan pemikiran rabbani.

Pemikiran soal jawab

Berfikir dengan persoalan atau melalui kaedah istifham dalam kajian ini merupakan satu kaedah yang bukan hanya mengemukakan soalan semata-mata tetapi dengan mempunyai jawapan terhadap pertanyaan tersebut. Kaedah ini digunakan untuk menguatkan lagi perbahasan, ulasan atau kritikan terhadap perkara yang diutarakan. Kaedah pemikiran ini ditemui pada tiga tempat dalam *Mabhath al-Sa'adah*, seperti dalam pernyataan al-Dihlawi (1999, 156) yang berikut:

Jadi, mengapa orang Arab dan bukan-Arab, di luar perbezaan adat istiadat, agama, perbezaan geografi dan jarak yang terbentang antara satu buah kota dengan kota lainnya, antara satu buah negeri dengan negeri lainnya, boleh bersepakat tentang kesatuan spesies, selain kesamaan fitrah? Mengapa tidak, sedangkan engkau telah mengakui bahawa kekuatan kemalaikatan terdapat dalam fitrah manusia dan engkau juga mengetahui bahawa antara mereka, terdapat orang-orang pilihan yang istimewa.

Persoalan tersebut dikemukakan bagi mengukuhkan lagi fakta tentang kesamaan fitrah bagi manusia. Walaupun kehidupan manusia dikelilingi keadaan, situasi dan persekitaran yang berbeza, namun semua umat manusia dilahirkan dalam keadaan

suci dan merasai kewujudan Tuhan. Menurut al-Mawdudi (1986), walaupun manusia diberikan kemampuan berfikir, berkehendak dan bebas memilih, namun hakikatnya, mereka dilahirkan sebagai Muslim, iaitu segala gerak-geri atau tingkah laku cenderung kepada penciptanya. Adalah suatu fitrah manusia juga untuk mengakui utusan yang diutus oleh Allah SWT bagi membimbing manusia ke jalan yang direwai. Maka, persoalan yang dibentangkan dalam petikan berkenaan hanyalah sebagai penguat dan pengukuh kepada idea yang dilontarkan oleh al-Dihlawi. Antara petikan lain berhubung dengan kaedah pemikiran ini juga adalah seperti dinyatakan al-Dihlawi (1999, 157):

Maka, mengapakah kau berfikir bahawa tuntutan-tuntutan yang mulia itu (yang mengikuti ketetapan hukum para nabi) hanya boleh diikuti oleh orang-orang yang diberi tuntunan (hidayah)? Daripada penjelasan ini, perlu disedari betapa mendesaknya keperluan manusia kepada para nabi, dan betapa manusia seharusnya mengikuti sunah mereka dan mempelajari hadis-hadis mereka.

Petikan berkenaan menjelaskan tentang keperluan manusia kepada para nabi. Sekiranya diamati pada umat terdahulu, setiap nabi yang diutus adalah dalam kalangan manusia yang jauh daripada rahmat atau tidak mengesakan Allah SWT. Allah SWT telah mengutus para nabi untuk membimbing seluruh umat manusia dan setiap manusia harus mengikuti segala ajaran nabi khususnya umat Nabi Muhammad SAW. Antara lain, al-Dihlawi (1999, 171) menyatakan:

Engkau harus mengamati semua individu manusia. Apakah engkau melihat sesuatu yang berbeza dengan segala yang telah saya paparkan di atas? Menurut saya, engkau tidak akan menemukan perbezaan itu. Sebaliknya, setiap orang walau dia mengikuti syariat sehebat apa pun, pasti mengalami saat-saat yang menenggelamkannya dalam hijab alam sama ada sekejap atau lama.

Persoalan tersebut mengukuhkan idea tentang hijab yang wujud dalam kalangan manusia ketika mendekati diri kepada Allah SWT atau mencapai akhlak utama. Semua manusia tidak dapat lari daripada melakukan kesilapan, sama ada sedikit atau banyak. Walaupun manusia dilahirkan dalam keadaan fitrah, namun keadaan sekeliling serta ajaran dan didikan yang diperolehi akan mencorakkan diri mereka sama ada ke arah kebaikan atau keburukan.

Seandainya diperhatikan, persoalan dikemukakan pada akhir subtopik. Setelah al-Dihlawi menyatakan idea dan hujah, beliau mengukuhkan lagi perbincangan tersebut dengan mengemukakan soalan. Hal ini akan membuka minda pembaca untuk memahami dengan lebih lanjut apa yang ingin disampaikan oleh beliau.

Inilah sikap pemikir kritis yang sentiasa berusaha untuk menyampaikan segala maklumat agar bukan sekadar difahami tetapi dapat dihayati oleh setiap pembaca.

Pemikiran rasional


Kaedah pemikiran rasional banyak digunakan oleh al-Dihlawi ketika memaparkan idea-idea yang bernas dalam kitab *Hujjah Allah* termasuklah dalam perbincangan *al-sa'adah*. Beliau seorang ulama pembaharu Islam yang mementingkan dalil-dalil al-Quran dan sunah. Pada masa yang sama, beliau turut menggunakan akal dalam memperkuatkan lagi setiap perbincangan sama ada dalam bidang akidah (teologi), syariat (hukum Islam) mahupun akhlak (tasawuf). Inilah juga salah satu sebab kitab beliau dinamakan *Hujjah Allah*. Setiap kenyataan sama ada berkaitan bidang akidah, syariat ataupun akhlak disusuli dengan hujah yang rasional atau logik selari dengan apa yang dibawa oleh al-Quran dan sunah.

Dalam perbincangan *al-sa'adah*, al-Dihlawi mengemukakan dua bentuk kebahagiaan bagi manusia, iaitu *al-sa'adah al-haqiqiyyah* (kebahagiaan hakiki) dan *sa'adah bi al-'ard* (kebahagiaan dunia). Dalam membicarakan dua jenis *al-sa'adah* ini, al-Dihlawi (1999) secara rasionalnya mengklasifikasikan *al-sa'adah* berdasarkan spesies (*naw'*) dan genus (*jins*) yang dimiliki manusia. *Sa'adah bi al-'ard* merupakan kebahagiaan atau kesempurnaan yang dituntut oleh kedudukan spesies manusia dari genusnya yang dekat dan jauh. Bentuk kebahagiaan ini menyerupai haiwan dan tumbuhan kerana sifat kedua-dua perkara tersebut tergolong dalam genus yang dekat dan jauh.

Secara mudahnya, manusia makan, minum dan membiak seperti spesies haiwan dan tumbuh membesar seperti tumbuhan. Maka, unsur-unsur ini dinilai sebagai tuntutan jasadi yang hanya melengkapkan kehidupan manusia di muka bumi. Sekiranya tuntutan jasadi dipenuhi secara keterlaluan maka akan mendatangkan kecelakaan, begitu juga sekiranya tidak dipenuhi maka akan mendatangkan keburukan jua. Dengan sebab itu juga, al-Dihlawi membahagikan sifat manusia kepada sifat *bahimiyyah* dan sifat *malakiyyah*. Kedua-dua ciri ini berhubung kait erat dengan spesies dan genus. Melebihi sifat *bahimiyyah* akan menyebabkan mudarat dan menghapuskan sifat ini juga akan mendatangkan keburukan.

Justeru, untuk menyeimbangkan sifat tersebut, al-Dihlawi (1999) menyatakan *al-sa'adah al-haqiqiyyah* ialah kebahagiaan atau kesempurnaan yang dituntut oleh bentuk spesies tersebut (seperti dalam Rajah 1). Maknanya, beliau melihat manusia bukan sekadar diciptakan dengan unsur jasadi, namun dilengkapi dengan unsur rohani yang menyerupai fitrah para malaikat. Hal ini juga bersangkutan

dengan pengendalian akal manusia dalam menangani sifat *bahimiyyah* atau nafsu yang wujud dalam diri manusia. Inilah tuntutan bentuk spesies manusia yang erat dengan sifat *malakiyyah*.



Rajah 1. Hubungan unsur kejadian manusia dengan aspek kebahagiaan
 Sumber: Al-Dihlawi (1999)

Selain daripada perbincangan berkenaan kategori *al-sa'adah*, semua subtopik yang lain juga dianalisis secara mendalam sehinggalah kepada topik terakhir, iaitu cara-cara untuk menghapuskan setiap hijab yang menghalang manusia daripada memperoleh empat akhlak utama. Hal ini tidak dikupas secara rinci disebabkan kekangan ruang perbincangan yang terbatas.

Pemikiran saintifik

Selain daripada hujah rasional, pemikiran saintifik Islam menjadikan al-Quran sebagai hujah yang membenarkan fenomena-fenomena sains yang wujud di alam ini. Justeru, pemikiran saintifik antara bentuk pemikiran yang banyak digunakan oleh al-Dihlawi dalam *Hujjah Allah*. Hal ini disebabkan kedua-dua hujah, *naqli* (berasaskan wahyu) mahupun *'aqli* (bersandarkan rasional pemikiran), menjadi pegangan utama dalam setiap perbincangannya.

Secara khususnya, dalam perbincangan *al-sa'adah*, ditemui dalam beberapa buah tempat, contohnya, dalam bab “*Zikr Sunnah Allah*”, hujah-hujah saintifik dapat ditemui sepanjang penjelasan berkenaan pentadbiran Ilahi (*sunnatullah*). Hal ini kerana pentadbiran Ilahi ini mempunyai kaitan yang erat dengan kajian-kajian sains, seperti yang dinyatakan oleh al-Dihlawi (1999, 62–63):

Ketahuilah bahawa sebahagian daripada undang-undang Allah SWT pada alam dan manusia (*sunnatullah*) bagaimanapun ditentukan sesuai dengan potensi-potensi (*al-quwa*) yang telah disusun pada segala sesuatu di dunia (contohnya, api membakar dan air memadamkan api dan seumpamanya).

Seterusnya, al-Dihlawi (1999) menyebut bahawa secara kebiasaannya, tusukan pedang dan minum racun akan menyebabkan kematian, penciptaan seorang anak dalam rahim adalah melalui persenyawaan antara sperma dengan ovum dan benih dan pepohon tumbuh setelah berlaku penyemaian, penanaman dan penyiraman. Kemudian, al-Dihlawi (1999, 65) juga menyatakan:

Adapun pergerakan bintang yang merupakan sifat dasar bagi perubahan planet-planet dan memunculkan akibat-akibat yang pasti seperti seperti musim panas dan sejuk yang silih berganti, panjang dan pendeknya hari sesuai dengan kedudukan matahari dan pergantian pasang surut disebabkan kedudukan bulan.

Daripada contoh yang dipaparkan tersebut, penggunaan kaedah pemikiran saintifik dalam perbincangan *al-sa'adah* dapat dilihat. Pemikiran ini juga sealiran dengan pemikiran saintifik al-Quran yang memaparkan ayat-ayat berkaitan fenomena alam tabii sebagai bukti kewujudan, keesaan dan keagungan Allah SWT (Hamdi et al. 2017).

Pemikiran kesufian

Dalam ruang lingkup pemikiran kritis al-Dihlawi (1999; 1981), pemikiran kesufian beliau dapat dilihat daripada dua sudut. Pertama, dari sudut cara hidup sufi yang bersifat zuhud. Bagi beliau, zuhud bukanlah bererti menyepi, menyendiri atau menjauhi segala kemewahan dunia seperti yang difahami oleh masyarakat umum atau dalam kalangan ahli sufi sendiri. Namun begitu, zuhud merupakan keseimbangan dalam memenuhi tuntutan dunia dan akhirat atau rohani dan jasmani, seperti dinukilkan oleh Seyyed Hossein (1984) yang menyarankan agar seseorang mempunyai keseimbangan antara ilmu dan amal, kontemplasi (perenungan) dan tindakan serta tidak terikat dengan amalan biarawan.

Dalam perbincangan *al-sa'adah*, al-Dihlawi memilih cara para nabi dalam mengajak dan menyeru manusia mencapai *al-sa'adah al-haqiqiyyah*, iaitu dengan cara menundukkan sifat *bahimiyyah* dalam diri manusia. Walaupun zuhud merupakan salah satu maqam dalam tasawuf Islam yang memfokuskan kepada usaha menghilangkan kehendak atau penghalang pertemuan seseorang dengan Allah SWT, namun sifat *bahimiyyah* yang menjadi antara penghalang kepada usaha

berkenaan haruslah dijinakkan kerana sifat ini juga fitrah semula jadi bagi manusia. Inilah yang ditekankan al-Dihlawi dalam usaha untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT.

Kedua, dari sudut pengharmonian antara *dhawq* atau intuisi dengan rasional. Dari sudut ini, seseorang memerlukan pemahaman dan perenungan yang mendalam bagi mengupas fenomena tersebut dan tidak semua manusia dapat melakukan perkara ini. Namun demikian, bagi al-Dihlawi, pengharmonian yang dilakukan menjadi salah satu aspek pemikiran kritis yang mengangkat beliau sebagai tokoh sufi yang setanding dengan Imam al-Ghazali. Pengalaman-pengalaman kesufian atau ilmu kasyaf yang diperoleh setiap sufi adalah berbeza dan sukar untuk digambarkan secara zahir atau dijelaskan kepada umum. Hal ini kerana semua pengalaman yang dialami berhubung dengan rasa hati yang merupakan anugerah Allah SWT kepada golongan terpilih, berbeza dengan rasional yang dapat difahami dengan aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang berterusan (Mohd Nazri, Ibrahim dan Noraini 2018). Justeru, pengalaman-pengalaman hasil daripada *dhawq* atau intuisi ini perlu diungkapkan secara halus dan teliti supaya tidak timbul salah faham dalam pelbagai kalangan masyarakat.

Pemikiran rabbani

Seperti yang telah dikemukakan sebelum ini, perbincangan tentang maksud rabbani amat luas, namun tidak terkeluar daripada paksi *Rabb* (Allah SWT). Hal inilah yang menjadi hala tuju perbincangan *al-sa'adah*. Implementasi pemikiran rabbani dicanangkan oleh al-Dihlawi dalam setiap aspek perbincangan kitab. Pemikiran ini dapat dilihat daripada permulaan perbincangan kitab yang mendahulukan pengenalan tentang tiga sifat Allah SWT yang berhubung dengan penciptaan. Menurut al-Dihlawi (1999), ketiga-tiga sifat itu saling berhubungan dan sifat yang satu mensyaratkan adanya sifat yang lain. Sifat yang pertama adalah penciptaan mutlak (*ibda'*), iaitu Allah SWT menciptakan sesuatu daripada tiada kepada ada. Sifat kedua ialah penciptaan dunia nyata (*khalq*), iaitu menjadikan sesuatu daripada sesuatu yang lain seperti Allah SWT menciptakan Nabi Adam AS daripada tanah dan jin daripada api. Manakala sifat yang ketiga adalah pengaturan (*tadbir*) Ilahi terhadap segala benda di dunia yang diciptakan atau penyempurnaan kepada ciptaan-Nya (Syamsuddin AH 1430). Maka, semua yang ada di alam ini atau semua yang dimiliki oleh manusia berasal daripada Allah SWT. Setiap pemikiran, tindak tanduk dan amalan manusia harus disandarkan kepada nilai ketuhanan kerana manusia sentiasa dalam pengawasan Allah SWT. Kupasan tentang sifat *Rabb* sebagai pencipta ini menjadi dasar pemikiran kritis al-Dihlawi dan dihubungkan dengan setiap perbincangan kitabnya.

Sehubungan itu, al-Dihlawi (1999) meletakkan sifat pergantungan dan pengabdian kepada Allah SWT atau *al-ikhbat li Allah Ta'ala* sebagai salah satu akhlak utama yang perlu dihayati oleh setiap manusia. Akhlak inilah yang akan menjamin kebahagiaan manusia dunia dan akhirat. Namun demikian, hakikat ketuhanan harus dipelajari dengan sebaik mungkin supaya tidak mengundang salah faham terhadap sifat dan zat Allah SWT. Al-Dihlawi menjelaskan juga bahawa ilmu pengetahuan yang salah (*su' al-ma'rifah*) boleh mengundang kepada kesyirikan terhadap Allah SWT sekali gus membantutkan usaha seseorang untuk mencapai makrifatullah. Dalam hal ini, al-Dihlawi (1999) turut menjelaskan ilmu pengetahuan yang salah, sebagai salah satu hijab untuk menghadirkan empat akhlak utama, boleh dihapuskan dengan menghindari *tashbih* (perumpamaan atau perbandingan) dan menghapuskan syirik. Hal ini boleh dilakukan dengan mengajar umat manusia bahawa pengetahuan sifat Allah SWT tidak sama dengan manusia mengikut keupayaan akal masing-masing dan melakukan latihan spiritual sebanyak mungkin supaya memperoleh pengetahuan yang benar daripada Allah SWT.

Perbincangan Dapatan

Berdasarkan dapatan yang diperoleh, al-Dihlawi dilihat menulis sebuah karya yang sangat kritis. Al-Dihlawi telah menggunakan beberapa kaedah pemikiran kritis dalam membahaskan aspek kebahagiaan khususnya. Kaedah pemikiran soal jawab yang dikemukakan oleh al-Dihlawi menunjukkan kemampuan beliau dalam mengemukakan hujah untuk menjawab segala persoalan yang ditimbulkan. Kaedah ini amat penting untuk dikuasai supaya kebenaran dalam setiap maklumat yang diperoleh seseorang dapat dipastikan. Kaedah ini telah lama diaplikasikan oleh para ulama dalam pengajaran ilmu terutama ilmu akidah, antaranya oleh Imam Abu Hanifah. Kepentingan kaedah soal jawab ini diperakui Ibn Surayj yang menegaskan bahawa sekiranya ilmu itu diandaikan mempunyai empat bahagian, maka soal jawab itu masing-masing mewakili dua perempat ilmu (Mohd Anuar 2014).

Dalam konteks pemikiran rasional pula, al-Dihlawi dilihat membawakan hujah-hujah rasional dalam mengemukakan sesuatu perbahasan. Akal berperanan penting dalam mencetuskan pemikiran-pemikiran yang benar jika digunakan dengan sebaiknya. Menurut al-Dihlawi (1999), akal membolehkan manusia mendapatkan sesuatu yang tidak boleh didapati melalui pancaindera. Pandangan ini selari dengan al-Ghazali (2011) yang menyatakan bahawa akal lebih berhak disebut sebagai cahaya berbanding pancaindera. Cahaya yang dimaksudkan di sini adalah sebagai suatu medium yang bukan sahaja mempunyai sifat yang terang tetapi dapat menjadikan sesuatu yang gelap atau samar-samar kepada terang dan jelas. Perumpamaan ini boleh digambarkan dalam melihat bentuk bulan. Walaupun

seseorang melihat bulan dalam tempoh yang singkat, akal dapat menyimpulkan bahawa bulan berbentuk sfera sekalipun kita hanya dapat melihat sebahagian daripada bulan tersebut.

Sepanjang sejarah pemikiran Islam, akal rasional menjadi medium penting sama ada dalam mengemukakan idea-idea dan fikrah Islam atau menjernihkan fahaman-fahaman yang mengelirukan umat Islam. Pemikiran rasional, yang juga disarankan dalam al-Quran melalui galakan berfikir, berupaya menjawab tuntutan zaman secara realistik dengan pandangan yang tuntas dan autentik (Ahmad Nabil 2022). Al-Quran menyeru kepada refleksi, pemerhatian, penerokaan, penyoalan, penaakulan, pemikiran kritis, rasionalisasi dan pengesahan (Machouche, Bensaid and Zuraida 2019). Justeru, berfikir kritis adalah tuntutan dalam Islam dan kepentingan perkara ini menurut al-Dihlawi (1999) akan membawa manusia lebih dekat dengan pencipta melalui berfikir tentang sifat-sifat Allah SWT seperti keluasan ilmu, kekuasaan dan rahmat Allah SWT. Hal inilah yang akan membawa kepada kebahagiaan ketika manusia memikirkan tentang sifat Allah SWT, alam dan manusia. Dalam perbincangan kebahagiaan al-Dihlawi, manusia akan memperoleh kebahagiaan hakiki sekiranya berjaya meletakkan akal mengatasi nafsu.

Analisis ini juga mendapati bahawa al-Dihlawi turut menggunakan kaedah saintifik untuk memaparkan fakta-fakta dan hujah beliau dalam perbincangan kebahagiaan. Hermansen (1986) menyatakan bahawa al-Dihlawi merupakan seorang penulis yang serba boleh yang antaranya menggunakan pendekatan saintifik dalam karyanya. Dalam dunia globalisasi ini, pemikiran saintifik amat penting bagi memahami dunia dan alam sekali gus mengakui kebijaksanaan dan kebesaran Tuhan dan keajaiban penciptaan. Penggabungan sains dan pemikiran saintifik dengan wahyu membantu umat Islam membentuk falsafah hidup yang holistik dan mampan. Elemen kerohanian haruslah dijana bersama dengan pemikiran saintifik supaya umat Islam dapat melaksanakan ketaatan dengan sempurna bagi mencapai keredaan-Nya (Machouche, Bensaid and Zuraida 2019).

Merujuk kepada pemikiran kesufian pula, al-Dihlawi merupakan antara pengasas pembaharuan sufi yang awal dan menjadi penghubung antara sufi terdahulu dengan sufi moden. Bermula pada abad ke-19 dan ke-20 Masihi, tasawuf telah memasuki era moden dan banyak pembaharuan dilakukan untuk disesuaikan dengan gaya hidup moden. Tambahan lagi, sejak akhir-akhir ini, berlaku kebangkitan spiritual atau kerohanian di serata tempat. Kemunculan gerakan spiritual ini adalah sebagai reaksi terhadap dunia moden yang terlalu menekankan hal-hal yang bersifat kebendaan. Manusia ingin mengembalikan dimensi spiritual yang selama ini dilupakan (Ulfah dan Istiyani 2016; Abbott 1968). Hamka (1998) merupakan antara ulama yang memperkenalkan tasawuf moden sebagai cara hidup yang

sesuai diamalkan oleh pelbagai peringkat umat Islam. Penghayatan tasawuf moden akan mengembalikan semangat spiritual dalam diri umat yang hanyut kerana arus kemodenan. Hamka (1998) menyatakan bahawa zuhud merupakan sikap jiwa yang tidak ingin dan tidak cintakan harta, serta tidak terikat dengan kebendaan. Harta boleh dimiliki namun diperuntukkan kepada hal-hal yang bermanfaat. Manusia harus mempunyai keseimbangan antara keperluan jasmani dengan rohani serta antara fizik dengan metafizik. Zuhud bukan bermakna meninggalkan kehidupan dunia tetapi menjalani kehidupan secara seimbang seperti yang dibawakan dalam al-Quran (Firuz-Akhtar 2019). Inilah yang dimaksudkan oleh al-Dihlawi dalam mengungkap pemikiran kesufian supaya semua umat Islam kembali kepada ajaran al-Quran dan sunah. Kupasan tentang *al-sa'adah al-haqiqiyah* yang menekankan aspek *bahimiyyah* dan *malakiyyah*, walaupun dibahaskan pada zamannya, tetapi masih relevan dengan keadaan umat Islam semasa. Maka, semua umat Islam, tidak mengira jantina, pangkat, darjat atau kemampuan, boleh mencapai *al-sa'adah al-haqiqiyah* sekiranya setiap yang dilakukan sama ada berkaitan dengan hal-hal keduniaan mahupun hal-hal keakhiratan berpaksikan pada Tuhan yang Esa.

Sehubungan itu, al-Dihlawi dilihat cenderung kepada penjelasan secara rasional terhadap pengalaman-pengalaman *dhawq* dan beliau sendiri menyatakan setiap yang diperoleh daripada pengalaman tersebut dapat dijelaskan secara rasional. Hal ini terangkum dalam kitab *Hujjah Allah* yang mengupas tentang *asrar al-shari'ah* (rahsia-rahsia syariat) yang sebahagian daripada hal tersebut bersumberkan intuisi. Beliau juga melihat akal dan hati saling menguatkan kerana kedua-duanya unsur terpenting dalam diri manusia dan gabungan kedua-dua unsur ini dapat menghubungkan seseorang dengan alam kemalaikatan atau, lebih jauh lagi, alam ketuhanan. Sehubungan itu, sewaktu membawakan perbincangan tentang sifat *bahimiyyah* dan *malakiyyah*, al-Dihlawi mengaitkan sifat-sifat ini dengan empat akhlak utama yang perlu diraih melalui ilmu dan amal. Seperti akal dan hati, ilmu dan amal tidak boleh dipisahkan kerana ilmu yang dipelajari melalui jalan akal dan amal yang dilaksanakan dapat menghadirkan jiwa atau hati yang suci. Maka, ketundukan nafsu pada akal membolehkan seseorang berhubung dengan *al-Mala' al-A'la* (tingkatan malaikat tertinggi) dan menuntut kepada kesucian jiwa seseorang (Mohd Nazri, Ibrahim dan Noraini 2018). Secara logiknya, jiwa yang bersih disukai para malaikat dan disebabkan keadaan inilah, rahmat diturunkan melalui malaikat kerana mereka sentiasa mendoakan kebaikan bagi sesiapa yang beramal soleh. Para malaikat juga mengutuk pelaku kejahatan. Dalam hal ini, al-Dihlawi (1999) dibukakan hati melihat rahmat yang turun kepada pelaku kebaikan dan kejahatan. Beliau melihat cahaya yang bersinar turun dari langit meliputi pelaku kebaikan, sedangkan pelaku kejahatan berada dalam kegelapan dan berterusan dalam kesesatan.

Perbincangan ini jelas menggambarkan bahawa elemen pemikiran kritis al-Dihlawi adalah melalui pemikiran kesufian. Beliau mengolah, menganalisis dan menginterpretasi kehidupan zuhud ahli sufi yang sebenar secara mampan dan merasionalkan sumber intuisi yang diperoleh golongan yang hampir dengan Allah SWT sehingga menjadi sebuah sumber ilmu yang tidak asing dalam setiap pemikiran umat Islam.

Penekanan terhadap ilmu ketuhanan dan penghayatan terhadap nilai ketuhanan pula memperlihatkan al-Dihlawi menjadikan pemikiran rabbani sebagai salah satu kaedah pemikiran kritisnya. Pemikiran rabbani yang berpaksikan wahyu Allah SWT adalah bersih dan suci dan bukanlah hasil daripada kehendak seseorang, keluarga, kasta, parti dan bukan pula atas kehendak rakyat tertentu. Pemikiran rabbani merupakan natijah daripada kehendak Allah SWT (Ramli 2008). Dengan sebab ini, al-Dihlawi mampu bersikap objektif, rasional dan saintifik serta pada masa yang sama, mengetengahkan setiap perbahasan dalam ruang lingkup akidah Islam.

Rajah 2 menunjukkan kaedah pemikiran kritis al-Dihlawi yang dianalisis berdasarkan pemikiran beliau dalam mengutarakan perbahasan *al-sa'adah*. Daripada kesemua kaedah yang ditemui, pemikiran rabbani dilihat menyeluruh dan merupakan satu-satunya manhaj yang mampu memberi penyelesaian kepada seluruh permasalahan yang timbul dalam kalangan umat manusia. Lantaran sumber kaedah berkenaan yang berasal daripada al-Haqq, maka pelaksanaan kepada manhaj ini juga pasti tepat dan memberi natijah yang juga bersifat *haqq* (benar) (Ramli 2008). Firman Allah SWT dalam Surah Yunus (10:57) bermaksud:

Terjemahan: Wahai umat manusia! Sesungguhnya telah datang kepada kamu al-Quran yang menjadi nasihat pengajaran dari Tuhan kamu, dan yang menjadi penawar bagi penyakit-penyakit batin yang ada di dalam dada kamu, dan juga menjadi hidayah petunjuk untuk keselamatan, serta membawa rahmat bagi orang-orang yang beriman.

Justeru, pemikiran rabbani menjadi tunjang utama bagi setiap pemikiran manusia. Dengan maksud ini, pemikiran rabbani merangkumi keseluruhan manhaj atau kaedah berfikir manusia, khususnya dalam aspek pemikiran kritis. Kelima-lima kaedah yang dipaparkan sebelum ini adalah tidak terpisah dengan manhaj pemikiran rabbani tersebut.



Rajah 2. Kaedah pemikiran kritis al-Dihlawi berdasarkan analisis perbahasan *al-sa'adah*

Kesimpulan

Umat Islam seharusnya berbangga dengan kemunculan ulama terkemuka al-Dihlawi kerana beliau telah memberikan sumbangan yang besar dalam bidang keilmuan Islam. Pandangan dan pemikirannya amat terkedepan dan relevan dengan suasana zaman kini dalam menyajikan falsafah kebahagiaan dengan begitu kritis. Kelima-lima kaedah pemikiran kritis yang ditemui melalui analisis perbahasaan *al-sa'adah* menjadi pemangkin kepada kekuatan minda umat bagi menghadapi segala kerosakan pemikiran yang datang daripada golongan yang ingin meruntuhkan Islam.

Penghargaan

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Research Management Center (RMC), Universiti Teknologi MARA (UiTM) yang telah membiayai kajian yang bertajuk “Indeks Kebahagiaan Shah Wali Allah al-Dihlawi: Analisis Kadar Kebahagiaan Ahli Akademik dalam Budaya Kerja Mampan Era Pandemik COVID-19” di bawah geran bernombor 600-RMC/GPM-LPHD 5/3 (173/2021).

Rujukan

- Abbott, F. 1968. *Islam and Pakistan*. New York: Cornell University Press.
- Abdul Hayei Abdul Sukor. 1998. Sumbangan Syah Wali Allah al-Dihlawi kepada ilmu hadis dan pengaruhnya di Kelantan. PhD diss., Universiti Malaya.
- Abdul Rahman Abdullah. 2001. *Falsafah dan kaedah pemikiran*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Abdul Salam Muhammad Syukri. 2007. *Dimensi pemikiran Shah Waliullah al-Dihlawi dan pengaruhnya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Ahmad Mujahideen Yusoff, Muhammad Nasron Yaacob and Norhidayah Mohamed Hussin. 2021. Keprihatinan umat Islam terhadap ancaman ideologi moden: Satu keperluan. *International Journal of Modern Trends in Social Sciences* 4(15): 71–80.
- Ahmad Nabil Amir. 2022. Pemikiran rasionalisme Ibn Khaldun dan pengaruhnya dalam dunia Islam. *INSANIAH: Online Journal of Language, Communication, and Humanities* 5(1): 56–72.
- Ainon Mohd and Abdullah Hassan. 2005. *Berfikir secara logik dan kritis*. Pahang, Malaysia: PTS Millennia Sdn. Bhd.
- _____. 1996. *Teknik berfikir: Konsep dan proses*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Al-'Afifi, Taha 'Abdullah. 1998. *Min wasaya al-rasul*. Cairo: Dar al-Zahbiyyah.
- Al-Alusi, Mahmud ibn 'Abd Allah. 1994. *Ruh al-ma'ani fi tafsir al-Qur'an al-'azim wa al-sab'u al-mathani*. Vol. 8. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Baghawi, Abu Muhammad al-Husayn. 1997. *Ma'alim al-tanzil fi tafsir al-Qur'an*. Riyadh: Dar Taybah li al-Nashr wa al-Tawzi'.
- Al-Dihlawi, Shah Wali Allah. 2005. *Hujjah Allah al-balighah*. Tahqiq al-Sayyid Sabiq. Beirut: Dar al-Jil.
- _____. 1999. *Hujjah Allah al-balighah*. Vols. 1 & 2. Beirut: Dar Ihya' al-Ulum.
- _____. 1981. *Ta'wil al-ahadith li al-Dihlawi*. Translated by G.N. Jalbani. New Delhi: Nusrat Ali Nasri for Kitab Bhavan.
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad. 2011. *Ihya 'ulum al-din*. Jeddah: Dar al-Minhaj li al-Nashr wa al-Tawzi'.
- Al-Ghazali, Muhammad. 1996. *Kayfa nata'ammal ma'a al-Qur'an*. Translated by Muhammad Rivai Batubara. Selangor, Malaysia: Budaya Ilmu Sdn. Bhd.
- Alias Azhar and Rahimin Affandi Abdul Rahim. 2010. Aplikasi elemen pemikiran saintifik dalam pengajian syariah. *Jurnal Fiqh* 7: 1–28.
- Al-Kaf, Idrus. 2014. Pemikiran sufistik Syaikh Umar Ibn al-Faridh dalam Diwan Ibn Al-Faridh. *Intizar* 20(1): 181–203.
- Al-Mawdudi, Abu al-A'la. 1986. *Asas dan prinsip peradaban Islam*. Translated by Halimuddin S.H. Singapore: Pustaka Nasional Pte. Ltd.
- Al-Nasafi, Abu al-Barakat. 1998. *Madarik al-tanzil wa haqa'iq al-ta'wil*. Vol. 1. Beirut: Dar al-Kalim al-Üayyib.
- Al-Qaradawi, Yusuf. 1997. *Introduction to Islam*. Cairo: Islamic Inc. Publishing & Distribution
- _____. 1996. *Al-'Aql wa al-'ilm fi al-Qur'an al-Karim*. Cairo: Maktabah Wahbah.

- Al-Razi, Fakhr al-Din. 1999. *Tafsir al-kabir aw mafatih al-ghayb*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- Al-Samarqandi, Abu al-Layth Nasr. n.d. *Bahr al-'ulum*. Vol. 1. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Suyuti, Jalal al-Din. n.d. *Tafsir al-Jalalayn*. Cairo: Dar al-Hadith.
- Al-Tabari, Abu Ja'far Muhammad. 2000. Juz 18. *Jami' al-bayan fi tafsir al-Qur'an*. Beirut: *Mu'assasah al-Risalah*.
- Bao, L., Koenig, K., Xiao, Y., Fritchman, J., Zhou, S. and Chen, C. 2022. Theoretical model and quantitative assessment of scientific thinking and reasoning. *Physical Review Physics Education Research* 18: 1–33.
- Bloom, B. 1956. *Taxonomy of educational objectives: Handbook 1; Cognitive domain*. New York: Mckay.
- Bryman, A. 2008. *Social research methods*. 3rd Ed. New York: Oxford University Press.
- Danial Zainal Abidin. 2014. *Quran saintifik: Meneroka kecemerlangan Quran daripada teropong sains*. Updated Ed. Selangor, Malaysia: PTS Millennia Sdn. Bhd.
- Darwin, Mukminatien, N., Suryani, S. and Burhan. 2022. Critical thinking skills in EFL learning courses program: The Indonesian practitioners' conceptual understanding of private higher education. *International Journal of Early Childhood Special Education* 14(1): 1128–1136.
- De Bono, E. 2002. *Pemikiran selari: Daripada pemikiran Socrates kepada pemikiran de Bono*. Kuala Lumpur: Golden Books Centre Sdn. Bhd.
- Dewey, J. 1933. *How we think*. Lexington, MA: D.C. Heath and Co.
- Fajriah, S., Junaedi, D. and Maimun, M. 2016. Al-falah dan al-farah: Studi ma'anil Qur'an dan tafsir tematik dalam Tafsir al-Azhar. *Diya al-Afkar* 4(2): 107–128.
- Firuz-Akhtar Lubis. 2019. Sufism and travel literature: Soul captivity in Ḥājj Sayyāh's knowledge-seeking journey in Safarnāmah-i Ḥājj Sayyāh bih Farang. *KEMANUSIAAN the Asian Journal of Humanities* 26(Supp.1): 63–87. <https://doi.org/10.21315/kajh2019.26.s1.4>
- Glaser, E.M. 1941. *An experiment in the development of critical thinking*. New York: Bureau of Publication, Teachers College Columbia University.
- Goldschmidt, G. and Matthews, B. 2022. Formulating design research questions: A framework. *Design Studies* 78: 1–19. <https://doi.org/10.1016/j.destud.2021.101062>
- Hamdi Rahman, Sofian Sauri, Mohd Zahirwan Halim, Paiz Hassan dan Muhammad Yusri Yusof Salleh. 2017. Aplikasi pemikiran Islam dalam pendidikan sains. *Global Journal al-Thaqafah* 7(1): 79–89.
- Hamka, Abdul Malik Karim Amrullah. 1998. *Tasauf moden*. Kuala Lumpur: Darul Nu'man.
- Hashim Musa, Rozita Che Rodi, Halimah Pondo dan Salmah Jan Noor Muhammad. 2013. Bahasa Melayu dan konsep kebenaran ilmu berdasarkan pandangan Syed Muhammad Naquib al-Attas. *KEMANUSIAAN the Asian Journal of Humanities* 20(1): 1–22.
- Hermansen, M.K. 1986. Shāh Walī Allāh of Delhi's "Ḥujjat Allāh al-bāligha": Tension between the universal and the particular in an eighteenth-century Islamic theory of religious revelation. *Studia Islamica* 63: 143–157.
- Jamal Badi and Mustapha Tajdin. 2009. *Creative thinking: An Islamic perspective*. 2nd Ed. Kuala Lumpur: International Islamic University Malaysia.

- Kamarudin Husin. 2003. *Kemahiran berfikir dan berkomunikasi*. Selangor, Malaysia: Kumpulan Budiman Sdn Bhd.
- Kamus Dewan*. 2007. 4th Ed. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Krippendorff, K. 2004. *Content analysis: An introduction to its methodology*. 2nd Ed. Thousand Oaks, CA: Sage.
- Machouche, S., Bensaid, B. and Zuraida Ahmed. 2019. Crossroads between Islamic spirituality and the instruction of science. *KEMANUSIAAN the Asian Journal of Humanities* 26(Supp. 1): 23–45. <https://doi.org/10.21315/kajh2019.26.s1.2>
- Meyers, C. 1986. *Teaching students to think critically*. California: Jossey-Bass Inc. Publishers.
- Mohd Al'ikhsan Ghazali, Azwira Abd Aziz and Faisal Ahmad Shah. 2011. Pengaruh pemikiran golongan anti hadith (GAH) kepada umat Islam di Malaysia: Kajian khusus di Lembah Klang. In *Sunnah nabi: Realiti dan cabaran semasa*, eds. Fauzi Deraman, Ishak Suliaman, Faizal Ahmad Shah, Monika@Munirah Abd Razzak, Khadher Ahmad, Mohamad Hasbullah Salim and Khairul Saufil Hadi Muhamad, 49–60. Kuala Lumpur: Jabatan al-Quran dan al-Hadith, APIUM.
- Mohd Anuar Mamat. 2014. Kaedah soal jawab dalam pengajaran Imam Abu Hanifah: Satu analisis perbandingan. *'Umm Islamiyyah Journal* 12(June): 55–72.
- Mohd Arif Nazri, Lutpi Mustafa, Fadlan Mohd Othman, Ahamad Asmadi Sakat, Abur Hamdi Usman and Mohd Fauzi Mohd Amin. 2015. The intellectuality of al-Dihlawi: A review on his contribution in science of prophetic tradition. *Mediterranean Journal of Social Sciences* 6(5): 302–308.
- Mohd Azhar Abd Hamid. 2001. *Pengenalan pemikiran kritis dan kreatif*. Johor, Malaysia: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Nazri Mat Zin, Ibrahim Hashim and Noraini Junoh. 2018. Konsep nubuwwah menurut Shah Wali Allah al-Dihlawi. *Journal of Fatwa and Management and Research* 13(1): 265–287. <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol13no1.144>
- Mohd Syahmir Alias. 2014. Tasawur pemikiran saintifik Ibn al-Haytham. *Sains Humanika* 2(1): 179–187.
- Moore, B.N. and Parker, R. 2012. *Critical thinking: Evaluating claims and arguments in everyday life*. 10th Ed. New York: Mc-Graw Hill.
- Muhammad Mumtaz Ali. 2011. *Islamic critical thinking*. Selangor, Malaysia: Pearson Malaysia Sdn. Bhd.
- Mulnix, J.W. 2012. Thinking critically about critical thinking. *Educational Philosophy and Theory* 44(5): 1–16.
- Nasruddin Yunos, Abdul Salam Yusof and Mohamad Mohsin Mohamad Said. 2012. *Menjana pemikiran kreatif dan kritis*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Noraini Junoh. 2017. Perbandingan konsep al-sa'adah menurut al-Ghazali dan al-Dihlawi. In *Proceeding of international conference of empowering Islamic civilization*, 269–276. Terengganu, Malaysia: Research Institute for Islamic Product and Malay Civilization (INSPIRE), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA).
- Noraini Junoh and Abdul Manam Mohamad. 2020. Pemikiran kritis Islam: Analisis terhadap istilah-istilah berkaitan dalam al-Quran. *Journal of Muwafaqat* 3(1): 130–149.

- Noraini Junoh, Abdul Manam Mohamad, Zanirah Mustafa@Busu and Nor Asmira Mat Jusoh. 2021. Islamic critical thinking: An analysis of its significance based on the al-Quran and scholarly views. *Journal of Islamic Social Sciences and Humanities* 25(1): 33–48. <https://doi.org/10.33102/abqari.vol24no2.377>
- Norasikin Fabil and Zawawi Ismail. 2018. Persekitaran digital Islamik (IoDE) dalam merekabentuk aplikasi pengajaran melalui permainan komputer. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan* 5(1): 78–91.
- Phillips, J.A. 1997. *Pengajaran kemahiran berfikir: Teori dan amalan*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Qomar, M. n.d. *Epistemologi pendidikan Islam dari metode rasional hingga metode kritik*. Jakarta: Penerbit Erlangga.
- Rafidatul Suib and Johari Surif. 2013. Keberkesanan pembelajaran menggunakan model pembangunan pemikiran saintifik dalam mata pelajaran Kimia Tingkatan 4. In *2nd international seminar on quality and affordable education (ISQAE 2013)*, 202–207. Johor, Malaysia: ISQAE'13.
- Ramli Awang. 2008. *Tasawwur rabbani menurut al-Quran dan al-sunnah*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publications.
- Rizaman Yahya, Rabiatul Adawiah Ahmad Rashid and Muhammad Zuhair Zainal. 2019. Pemikiran kritis remaja Muslim: Analisis literatur. *Journal of Educational Research and Indigeneous Studies* 2(1).
- Saripah Fadhilah and Zatun Nithaqin. 2018. Pengertian bahasa insan dan peranan zikir ke arah pembentukan insan rabbani. *Jurnal Qalbu* 5(8): 191–213.
- Seyyed Hossein, Nasr. 1984. *Science and civilization in Islam*. Selangor, Malaysia: Dewan Pustaka Fajar.
- Sholihah, I. 2016. Konsep kebahagiaan dalam al-Quran perspektif Tafsir Mutawalli Asy-Sya'rawi dan psikologi positif. Master of Islamic Studies diss., Universitas Islam Negeri Maulana Malik Ibrahim Malang.
- Sidek Baba. 2009. *Fikir dan zikir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- _____. 2006. *Pendidikan rabbani mengenal Allah melalui ilmu dunia*. Selangor, Malaysia: Karya Bestari Sdn. Bhd.
- Siti Fairuz Dalim, Aina Sakinah Ishak and Lina Mursyidah Hamzah. 2022. Promoting students' critical thinking through socratic method: Views and challenges. *Asian Journal of University Education* 18(4): 1034–1047. <https://doi.org/10.24191/ajue.v18i4.20012>
- Sohaimi Abdul Aziz. 2019. Mengatasi terorisme dalam Islamophobia: Satu kajian terhadap novel Demi Allah, Aku Jadi Teroris. *KEMANUSIAAN the Asian Journal of Humanities* 26(2): 1–23. <https://doi.org/10.21315/kajh2019.26.2.1>
- Som Hj Nor and Mohd Dahalan Mohd Ramli. 1998. *Kemahiran pemikiran secara kritis dan kreatif (KBKK)*. Selangor, Malaysia: Longman Malaysia Sdn. Bhd.
- Stanovich, K.E., West, R.F. and Toplak, M.E. 2013. Myside bias, rational thinking, and intelligence. *Current Directions in Psychological Science* 22(4): 259–264.
- Stump, S.E. 1983. *Philosophy history and problems*. 3rd Ed. New York: McGraw-Hill Book Company.
- Syamsuddin Arif. AH 1430. Prophecy in later Islamic thought: The mystical views of Shah Waliyullah ad-Dihlawi. *Global Jurnal al-Tsaqafah* 5(2): 311–324.

- Ulfah, N.M. and Istiyani, D. 2016. Etika dalam kehidupan modern: Studi pemikiran sufistik Hamka. *Esoterik: Jurnal Akhlak dan Tasawuf* 2(1): 95–109.
- Vittorio, L.N., Murphy, S.T., Braun, J.D. and Strunk, D.R. 2022. Using Socratic questioning to promote cognitive change and achieve depressive symptom reduction: Evidence of cognitive change as a mediator. *Behaviour Research and Therapy* 150: 1–7. <https://doi.org/10.1016/j.brat.2022.104035>
- Wan Haslan Khairuddin. 2014. *Gaya berfikir Qur'ānī dalam pembentukan insan ta'dībī*. Jurnal Penyelidikan dan Inovasi 1: 1–12.
- Wan Ismail W. Dagang, Mohd Nasir Masroom, Ahmad Syukran Baharuddin and Mohd Ismail Mustari. 2015. Ancaman pemikiran aliran Islam liberal kepada umat Islam di Nusantara: Satu sorotan kajian. *Sains Humanika* 5(3): 77–85.
- Woods, J. and Walton, D. 1974. Informal logic and critical thinking. *Education* 95(1): 84–86.
- Zainorah Kadri. 2015. Elemen pemikiran kritis menurut perspektif al-Quran: Kajian Surah al-Rum. PhD diss., Universiti Malaya.
- Zinur Rijal Abdul Razak and Sharfeldin, Sayed. 2021. The impact of integrating critical thinking skills in reading curriculum in developing Qatari students performance in PISA exams. *Global Journal al-Thaqafah* 11(1): 102–122.
- Zulkarnain Haron and Nordin Hussin. 2013. A study of the Salafi jihadist doctrine and the interpretation of Jihad by al Jama'ah al Islamiyah. *KEMANUSIAAN the Asian Journal of Humanities* 20(2): 15–37.